

PERKEMBANGAN SUASANA POLITIK MUSLIM DI XINJIANG, CHINA: SATU TINJAUAN UMUM DARI PERSPEKTIF SEJARAH PERADABAN

Oleh:

Abd.Wahid bin Jais *

Faezah binti Kassim **

Abstract

The Muslim community in China practices different culture and way of life compared to the other ethics in China. They have made numerous contributions for the formation and development of Chinese civilization and generally, they are well accepted in the Chinese community. However, Muslim community in the province of Xinjiang is enduring a different situation as for centuries they are encountering political crisis with the Chinese government. This article discusses their political condition based on the historical civilizational perspective ever since the arrival of Islam until the existence of communism in China. Factors of Xinjiang Muslim's resistance against the government, which highlights Xinjiang Muslim's determinism to continue fighting until the dignity of their religion, race and province been reinstated, are also elaborated.

* Abd.Wahid bin Jais, M.A, adalah Pensyarah di Seksyen Ko-Kurikulum, Elektif Luar dan Titas (SKET), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Faezah binti Kassim, M.A, adalah Pensyarah di Seksyen Ko-Kurikulum, Elektif Luar dan Titas (SKET), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Prawacana

Di China, masyarakat Muslim telah mencipta satu kebudayaan yang unik tetapi keunikan ini tidak menghalang mereka untuk memberi sumbangan kepada peradaban China sejak kemasukan agama Islam semasa Dinasti Tang. Mereka telah banyak menyumbang misalnya kepada pembangunan sosial melalui zaman yang berbeza dalam sejarah. Hingga ke hari ini masyarakat Muslim dilihat mempunyai identiti dan kedudukan yang berbeza dari segi politik, ekonomi mahupun sosial. Dari aspek politik, mereka tidak mempunyai hubungan yang baik dengan pemerintah-pemerintah China sejak berzaman. Ini telah menyebabkan lahirnya persepsi negatif rakyat Cina Umum terhadap Islam dan penganutnya. Sepanjang sejarah masyarakat Muslim di China menghadapi berbagai-bagai masalah dan kesulitan hidup yang dialami oleh mereka. Kemelut ini bermula terutamanya semasa era Dinasti Ching hingga tertubuhnya pemerintahan Komunis. Dalam membincangkan persoalan suasana politik Muslim di China, tekanan politik yang dihadapi oleh Muslim di Xinjiang diberi tumpuan kerana di sinilah sebahagian besar rakyat China yang beragama Islam menetap. Selain itu, Xinjiang juga merupakan wilayah yang banyak menyimpan kesan sejarah pergolakan antara umat Islam dengan pemerintah.

Pada pandangan pemerintah China, Xinjiang melambangkan kekuatan dan prestij negara tersebut sejak Dinasti Han. Wilayah Xinjiang berjaya ditakluki dan menjadi sebahagian daripada negara China semasa pemerintahan Dinasti Han dan ini bererti buat pertama kalinya dalam sejarah sebuah dinasti di China telah berjaya menakluki kawasan Asia Tengah lebih 2000 tahun dahulu. Dari segi budaya, Xinjiang adalah berbeza berbanding wilayah-wilayah lain kerana ia dimiliki oleh dunia Islam sejak Islamisasi oleh orang Turki dan Iran dan seterusnya ia berjaya mengekalkan kelangsungan agama dan cara hidup Islam. Sedangkan pada suatu

ketika dahulu Xinjiang merupakan pusat ketamadunan Indo-Buddha yang kuat dan telah mendominasi kawasan tersebut dari abad ke-11 hingga 12M.¹

Wilayah dan Penduduk Xinjiang

Wilayah Xinjiang juga dikenali sebagai Turkistan China, tetapi penduduk Islam wilayah tersebut hingga kini lebih senang menyebutnya sebagai “Turkistan Timur”. Ini untuk membezakannya dengan Turkistan Rusia yang terletak di sebelah Barat.² Etnik utama yang menduduki wilayah Xinjiang ialah etnik Uygur. Bagi mengiktiraf kedudukan masyarakat Uygur ini, Xinjiang dinamakan semula sebagai Wilayah Autonomi Xinjiang Uygur pada tahun 1955 oleh pemerintah Komunis.

Walaupun Xinjiang merupakan wilayah terbesar tetapi kepadatan penduduknya adalah kurang. Menurut statistik rasmi yang dikeluarkan oleh Pusat Penyelidikan dan Maklumat Populasi China 1997, populasi penduduk Xinjiang dianggarkan 17.18 juta sahaja sedangkan wilayah ini adalah yang terbesar atau meliputi satu perenam China. Ini disebabkan oleh bentuk muka buminya dan kawasan yang subur dan sesuai diduduki hanya 4.2% daripada keseluruhan wilayah tersebut.³ Ia dapat dibahagikan kepada dua

¹ Forbes, Andrew D.W (1986), *Warlords and Muslims in Chinese Central Asia*. Cambridge: Cambridge University Press, h. 3.

² Xinjiang adalah nama yang diberi oleh Kerajaan China. Namun begitu Nasionalis Islam di wilayah tersebut amat tidak menyukai penggunaan nama tersebut bagi wilayah mereka. Penguasaan kerajaan China terhadap wilayah Xinjiang telah membangkitkan kebencian masyarakat Muslim. Dengan pemberian nama tersebut seolah-olah kerajaan China cuba menunjukkan Xinjiang adalah milik China, walaupun tujuan asalnya adalah untuk mengiktiraf wilayah tersebut dan masyarakatnya adalah sebahagian daripada China. Lihat M.Rafiq Khan (1970), *Islam and Muslims in Red Regimes*, Lahore: Darulfikr, h. 134.

³ <http://www.cpirc.org.cn/en/30Province1999-xinjiang.htm>

kawasan iaitu Lembah Tarim dan Zhungaria serta dua kawasan yang kecil tetapi penting dari segi sumbangan ekonomi iaitu Lembah Ili dan Turfan. Kawasan-kawasan yang diduduki oleh mereka juga menunjukkan dengan jelas pembahagian etnik.

Di antara 56 kumpulan etnik di negeri China terdapat 10 etnik minoriti yang beragama Islam. Etnik-etnik tersebut ialah golongan Hui, Uygur, Kazakh, Tajik, Uzbek, Dong Xiang, Salar, Bonan, Tartar dan Kirgiz. Muslim di China boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan seperti orang China Islam atau lebih dikenali sebagai Hui dan orang Turki. Orang Turki ini dibahagikan pula kepada Uygur, Uzbek, Kazakh, Kirgiz, Tatar dan Dongshiang.⁴

Kebanyakan orang China Islam menetap di kawasan-kawasan pentadbiran autonomi di Barat Laut China⁵, sementara masyarakat Islam Hui tersebar luas di seluruh China.⁶ Etnik Uygur, Kazakh dan Uzbek adalah kumpulan etnik minoriti yang kebanyakannya tinggal di bahagian Autonomi Xinjiang Uygur⁷. Orang Uygur merupakan penduduk paling ramai mendiami Xinjiang dan menggunakan bahasa Turki serta merupakan masyarakat tani di oasis Tarim.⁸ Sebahagian besar kajian yang tertumpu pada orang Islam di Xinjiang tidak dapat lari daripada membincangkan tentang

⁴ Lihat Suffian Mansor (2003), *Tamaddun China*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 138.

⁵ Barat Laut China terdiri daripada wilayah Shaanxi, Gansu (Kansu), Qinghai, Ningxia dan Xinjiang.

⁶ Orang Hui juga dikenali dengan nama Tungan di Xinjiang iaitu daripada nama Turki. Mereka ini merupakan etnik yang bertutur dalam bahasa Cina dan terdapat di seluruh China. Lihat Forbes, *op.cit*, h. 6.

⁷ Nama ini juga digunakan oleh sebahagian sarjana bagi merujuk wilayah Xinjiang dan untuk menggambarkan betapa kawasan tersebut didominasi oleh bangsa Uygur.

⁸ Lihat Whiting, Allen S. dan Sheng Shih-ts'ai (1958), *Sinkiang: Pawn or Pivot?*, Michigan: Michigan State University Press, h. 4.

masyarakat Uygur kerana mereka merupakan majoriti di kawasan tersebut dan kepimpinan juga lebih didominasi oleh etnik ini.

Asal-usul orang Uygur di China bermula pada abad ke-8 (kira-kira 760M), apabila wilayah Timur Laut China dikuasai oleh orang Turki. Orang Uygur merupakan sub-bangsa Turki. Orang Uygur terkenal dengan kehandalan dalam peperangan dan mereka dikatakan memainkan peranan penting dalam proses bangsa Turki menakluki wilayah ini. Kesan daripada penaklukan tersebut, mereka telah menerima tamadun dan agama Buddha yang sedia ada di situ dan kemudiannya mereka menganut agama Kristian yang memasuki wilayah tersebut. Selama lebih 200 tahun kemudian, orang Uygur menakluki, menguasai dan bercampur dengan penduduk tempatan, lalu menjadikan mereka masyarakat yang dominan. Susulan daripada itu mereka berjaya mewujudkan ketamadunan dengan ciri-ciri yang bercampur iaitu budaya Turki dan tempatan.⁹

Ciri-ciri dan Sikap Masyarakat Muslim China

Ciri-ciri masyarakat Muslim yang dibincangkan adalah berdasarkan kepada kaca mata pemerintah dan catatan-catatan sejarah yang wujud. Antaranya ialah semasa Dinasti Ming, pemerintah melihat Muslim sebagai bangsa yang adil, taat pada undang-undang dan mempunyai disiplin diri yang tinggi. Sifat-sifat ini turut diakui oleh Albert von Le Coq (1928) iaitu sarjana Itali yang pernah mengembara ke Xinjiang. Berdasarkan kepada pemerhatian, beliau menyatakan walaupun Muslim di Xinjiang ketinggalan dari segi ekonomi berbanding wilayah lain tetapi mereka merupakan masyarakat yang terlibat dalam perdagangan

⁹ Albert von Le Coq (1928), *Buried Treasures of Chinese Turkestan*, London: George Allen and Unwin Ltd, h. 21-22.

dan menampakkan ketekunan dan kebijaksanaan mereka dalam bidang tersebut dan bidang-bidang lain.¹⁰ Mereka dikatakan berbeza dengan bangsa lain kerana mewarisi sifat-sifat yang disenangi oleh pemerintah dan masyarakat ketika itu.¹¹ Pedagang Islam juga dilihat sebagai pedagang yang jujur kerana mereka sentiasa mengikut lunas-lunas Islam dalam menjalankan urusan tersebut. Inilah yang membezakan antara mereka dengan pedagang-pedagang bangsa lain yang didapati menipu dan mementingkan keuntungan dalam menjalankan perniagaan.

Semasa pemerintahan Dinasti Ching dan selepasnya, masyarakat Islam cuba menyembunyikan identiti mereka disebabkan keadaan politik ketika itu. Keadaan ini disedari oleh para pengkaji ketika mereka cuba membuat bancian penduduk berdasarkan kepada etnik. Satu masalah yang sering dihadapi oleh para pengkaji atau pembanci ialah jumlah sebenar penganut Islam di China. Ada hipotesis yang menyatakan masyarakat Muslim dikatakan telah bersembunyi dan takut menunjukkan identiti serta menampilkan diri mereka seperti etnik minoriti lain yang bukan Islam atau masyarakat China yang lain. Namun begitu, kebanyakan Muslim baik dari kaum Hui mahupun dari Uygur, mereka mempunyai ciri-ciri tubuh badan yang khas yang mana mereka mudah dikenali dan mudah untuk dikhianati oleh musuh-musuhnya.¹²

¹⁰ Beliau juga menyatakan bahawa sekiranya orang Islam di Xinjiang berpeluang mendapat pendidikan yang baik, mereka akan menunjukkan perkembangan yang baik kerana mudah dan cepat mempelajari sesuatu. *Ibid*, h. 42.

¹¹ <http://chinese-school.netfirms.com/Muslims.html>.

¹² Mereka mudah dikenali sebagai orang Islam berbanding bangsa-bangsa di China yang lain, maka mereka tidak dapat menyembunyikan identiti mereka sebagai seorang Muslim. Menurut Broomhall, orang Islam biasanya mempunyai raut wajah yang lebih panjang, janggut yang lebat, hidung tinggi dan mata yang lebih besar. Broomhall, Marshall (1987), *Islam in China: A Neglected Problem*, London: Darf Publishers Ltd, h. 221.

Walau bagaimanapun, andaian tersebut dapat disangkal jika kita melihat sikap orang Islam dalam mengharungi kesukaran hidup dan menghadapi penindasan. Seluruh sejarah Islam di China menunjukkan bahawa orang Islam merupakan kaum yang paling berani dan mempunyai sifat keperwiraan. Walaupun, mereka telah mengalami penindasan kejam dan pembinasan di bawah kekuasaan Manchu (Dinasti Ching), tetapi mereka tidak pernah menyerah atau belot terhadap agamanya. Malah mereka juga merupakan golongan yang tidak pernah hilang keyakinan dan semangat.

Semasa pemerintahan Nasionalis pula, orang Islam berasa merdeka dan mempunyai harga diri. Ini kerana beberapa langkah pemerintahan Nasionalis yang memberi peluang kepada masyarakat Muslim dalam kesemua aspek sama ada sosial, ekonomi mahupun politik telah menguatkan keyakinan dan mengukuhkan jati diri Muslim. Misalnya, semasa pemerintahan Chiang Kai Shek, beberapa jawatan tertinggi tentera diberikan kepada orang Islam dan masyarakat ini secara keseluruhan telah mengalami kemajuan yang pesat sama ada dalam lapangan perusahaan, politik mahupun sosial. Ini menunjukkan kepercayaan pemerintah terhadap orang Islam dalam memberi sumbangan pada negara. Pada permulaan rejim komunis pula, masyarakat Muslim telah menonjolkan dan membuktikan sifat mereka yang gigih dalam menentang Komunisme. Ini kerana tindakan Komunis yang ingin menghapuskan identiti rakyat Cina yang berpegang kepada fahaman beragama.

Masyarakat Muslim juga membuktikan kebolehan mereka dari segi kepimpinan. Kehebatan kepimpinan dan kegagahan Muslim dalam peperangan sering disebut dalam catatan sejarah. Misalnya, bangsa Uygur telah melahirkan pemimpin-pemimpin yang hebat dan telah menguasai Asia, Delhi, Samarkand hingga ke Eropah. Bagi bangsa Mongol pula, nama-nama seperti Genghis Khan,

Kublai Khan, Hulagu Khan, Timurlank dan pahlawan-pahlawan Mongol adalah nenek moyang bangsa Kazakh dan Mongol yang beragama Islam dari daerah Xinjiang.¹³ Tidak hairanlah penduduk Muslim Xinjiang mewarisi sifat-sifat keras, berkeyakinan, bercita-cita dan bersemangat tinggi daripada nenek moyang mereka.

Kedatangan dan Perkembangan Awal Islam di China

Kedatangan Islam ke China dikatakan melalui laluan darat dan laut. Penduduk di bahagian barat daya China telah ada perhubungan dengan orang Arab melalui jalan darat sejak sebelum Masihi lagi. Para pedagang Arab juga menggunakan jalan laut ke kawasan selatan dan tenggara China. Namun begitu, tidak terdapat tarikh yang tepat mengenai kemasukan Islam ke negeri China. Ini disebabkan oleh ketiadaan bukti, walaupun terdapat beberapa pendapat yang menyatakan bahawa Islam telah sampai ke China pada masa hidupnya Nabi Muhammad s.a.w (613-614M). Walau bagaimanapun, salah satu daripada rekod rasmi yang boleh dipercayai iaitu Buku Lama Dinasti Tang (*The Old Tang Dynasty Book*) menjelaskan terdapat utusan yang dihantar oleh Khalifah Uthman (644-656M) pada 650M (29H). Peristiwa penghantaran utusan tersebut berlaku setelah Uthman ibn Affan menguasai Byzantine, Rom dan Parsi.¹⁴ Ini kerana selepas penguasaan tersebut, Uthman bin Affan dapat pula menumpukan pada satu lagi aspek pemerintahan iaitu mengadakan hubungan luar dengan

¹³ Lihat, M.Rafiq Khan (1967), *Islam di Tiongkok*, (terj) Sulaimansjah S.H, Jakarta: Tintamas, h. 55.

¹⁴ Sarjana-sarjana Barat tidak dapat menerima pendapat tentang kunjungan Saad kerana terdapat kekeliruan kronologi tertentu. Bagi sarjana-sarjana Islam dan Cina pula, tarikh kedatangan Saad adalah tidak jauh berbeza antara tahun Hijrah dengan tahun Cina. Dengan itu, sarjana Islam dan Cina menerima kesahihan kedatangan Saad ke China. Lihat, M.Rafiq Khan (1970), *Islam and Muslims in Red Regimes*, *op. cit.*, h. 2.

kerajaan-kerajaan besar lain. Tamadun China yang terbentang luas di sebelah Asia Timur merupakan salah satu kuasa besar dipilih oleh Uthman bin Affan untuk mengadakan hubungan politik. Rombongan utusan tersebut diketuai oleh Sa'ad ibn Abi Waqqas dan dipercayai telah bertemu dengan Maharaja Cina di Chang-an. Ini bermakna utusan tersebut diterima oleh pemerintah dengan baik dan menggambarkan berlakunya interaksi Tamadun Islam dan China dalam suasana yang aman. Peristiwa ini dianggap sebagai pencetus hubungan lebih erat antara kedua-dua tamadun.

Pada tahun 713, berlaku penaklukan oleh tentera Islam pimpinan Qutaiba bin Muslim di Asia Tengah dan sempadan barat China. Penaklukan tersebut berlaku semasa pemerintahan Khalifah Umayyah iaitu Walid I. Selain daripada Asia Tengah, pemerintahan Umayyah juga telah menguasai India, Utara Afrika dan Sepanyol. Melalui penaklukan tersebut berlakunya interaksi antara tentera Islam dengan penduduk tempatan dan telah membantu penyebaran agama Islam kepada suku-suku daerah yang terpencil. Suatu peristiwa penting yang juga membawa kepada penyebaran Islam di China ialah pemberontakan Jeneral An Lu-shan terhadap Maharaja Hsu Tsang pada tahun 755. Tentera Cina telah meminta bantuan tentera Islam di bawah pimpinan Abu Jaafar dari kerajaan Abbasiyah dan pemberontakan tersebut berjaya dihapuskan. Berikutan daripada kejayaan menghapuskan pemberontakan, pihak pemerintah telah membenarkan tentera Islam tinggal menetap di China terutamanya di wilayah Xinjiang. Di kalangan tentera tersebut ada yang berkahwin dengan penduduk tempatan dan berkhidmat dengan istana.¹⁵ Kelebihan dan kemahiran tentera Islam tersebut dalam perang dan politik telah menyakinkan pihak pemerintah. Maka, ada beberapa pemimpin daripada tentera Islam tersebut telah ditawarkan untuk berkhidmat dengan istana.

¹⁵ Broomhall, *op. cit.*, h. 26.

Penyebaran Islam yang disumbangkan oleh etnik-etnik yang terdapat di Xinjiang pula terbukti apabila tertubuhnya sebuah kerajaan Islam Uygur iaitu Karahan. Islam diperkenalkan ke Xinjiang terutamanya kawasan selatan pada akhir kurun ke-10.¹⁶ Penyebaran agama Islam berlaku apabila kerajaan Islam Karahan melakukan serangan ke atas Yutian iaitu sebuah kerajaan Buddha. Peperangan itu berlangsung selama 40 tahun dan Yutian berjaya dikuasai oleh kerajaan Islam Karahan pada awal abad ke-11. Pada pertengahan abad ke-11 pula, sebuah kerajaan yang ditubuhkan oleh Qagatay Khanate (cucu Genghis Khan) iaitu daripada bangsa Mongol di sebelah Barat Xinjiang turut menyebarkan Islam dan menjadikannya agama utama bagi orang Mongolia, Uygur, Kazakh, Kirgiz dan Tajik. Pada awal abad ke-16, Islam menjadi agama utama di seluruh Xinjiang menggantikan agama Buddha.¹⁷

Selain daripada peranan kerajaan-kerajaan Islam Karahan dan Mongol, sumbangan orang Uygur juga penting kepada penyebaran agama Islam.¹⁸ Penghijrahan orang Uygur dari kawasan Turpan (Turfan) di Timur ke Xinjiang pada awal abad

¹⁶ Terdapat dua istilah yang digunakan merujuk kepada Islam sebelum pendudukan Komunis. Muslim Cina menamakan diri mereka Chew-min dan yang bukan Islam menamakan mereka Hui Hui dan agama Islam sebagai Hui Hui Chew atau Tsing Ching Chew bererti Agama Yang Suci. Hui Hui bermaksud seseorang yang merangkum baik kehidupan dunia mahupun kerohanian. Lihat M. Rafiq Khan (1967), *op.cit.*, h.30.

¹⁷ Selain daripada etnik Tajik Sarikol, kesemua orang Cina Islam adalah daripada aliran Sunni iaitu mazhab Hanafi. Lihat, Forbes, *Warlords and Muslims in Chinese Central Asia*, h. 6. Kehadiran orang Islam dari keturunan Arab, Parsi, Turki dan Asia Tengah telah menyebabkan mazhab Hanafi berkembang luas di kalangan masyarakat Islam tempatan. Lihat Hj. Mohd Rashad Shamsuddin (2000), *Islam di China*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, h.5.

¹⁸ <http://www.china.org.cn/e-white/20030526/2.htm>

ke-9 telah menyebabkan berlakunya interaksi dan integrasi dengan bangsa-bangsa lain. Pada masa kini Uygur merupakan bangsa utama di Xinjiang.¹⁹ Apa yang lebih penting ialah mereka juga merupakan umat Islam yang masih berpegung teguh dan mempertahankan agama Islam di Xinjiang.

Muslim Selepas Keruntuhan Dinasti Ming

Sebelum Dinasti Ming runtuh, masyarakat Islam diterima dengan baik oleh dua buah dinasti besar sebelumnya iaitu Dinasti Sung (960 – 1279) dan Yuan (1279 – 1368). Antara fakta yang membuktikan penghargaan terhadap orang Islam ialah catatan mengenai salah seorang pegawai kerajaan Islam yang paling terkenal dan dikagumi ketika zaman Yuan mahupun hingga kini iaitu Syed Ejil. Beliau bertugas sebagai Menteri Kewangan Qubilai, Gabenor Yunnan. Beliau dikatakan seorang yang berbudi bahasa, cekap dan taat kepada pemerintah. Kisah-kisah kehebatannya ditulis dalam dokumen-dokumen China.²⁰ Beliau merupakan simbol dan imej orang Islam pada abad ke-13. Masyarakat Islam ketika itu dihormati kerana sifat-sifat mereka yang menyenangkan dan tidak pernah menimbulkan kekacauan. Dalam era pemerintahan Dinasti Ming, masyarakat Muslim

¹⁹Perkahwinan merupakan faktor utama penyebaran agama Islam. Bangsa-bangsa lain yang mengahwini orang Islam Uygur menukar agama mereka dan memeluk Islam. Orang Islam jarang didengar menukar agama mereka berbeza dengan para penganut agama lain. Bangsa lain yang mengahwini orang Uygur juga akan dirujuk sebagai orang Uygur. Lihat Che Muqi (1989), *The Silk Road Past and Present*, Beijing: Foreign Language Press, h. 193.

²⁰ Dokumen-dokumen tersebut kini berada di Paris dibawa oleh Mubaligh Kristian French D'Ollons pada 1911. Lihat Valyi, Felix (1927), *The Spirit of Asia and Asiatic History*, dlm *Islamic Culture: The Hyderabad Culture Review*, New York: Johnson Reprint Corp, h. 19.

mendapat perhatian dan layanan wajar dari pihak pemerintah. Mereka diberi kebebasan untuk mengamalkan ajaran agama malah diberi kemudahan membina masjid. Menurut Yusuf Chang (1998), salah seorang daripada maharaja Dinasti Ming iaitu Maharaja Taitso dipercayai berasal daripada kalangan orang Hui (Cina Islam). Ini mengukuhkan lagi kedudukan Muslim sehingga diberi kepercayaan dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Namun, suasana politik masyarakat Muslim mulai berubah pada akhir Dinasti Ming. Pelbagai masalah dalaman timbul ekoran kutipan dan pembayaran cukai yang tidak selaras, amalan rasuah dan penyelewengan, di samping tekanan dan ancaman kuasa-kuasa asing seperti Mongol, Manchu dan Jepun ketika itu.²¹ Di sebabkan oleh faktor-faktor dalaman dan luaran tersebut, maka tercetuslah pemberontakan di kalangan rakyat dan termasuklah orang Islam yang mendiami sebahagian besar kawasan Barat Laut China.

Setelah runtuhnya Dinasti Ming, masyarakat Islam juga telah mengalami kemerosotan dari segi politik dan sosial. Tertubuhnya Dinasti Ching di bawah kekuasaan Manchu (1644-1911), masyarakat Muslim kehilangan kebebasan dan ditindas oleh pemerintah. Bermula era ini, konflik di antara kedua pihak tidak dapat dibendung lagi hingga tercetusnya lima pemberontakan oleh orang Islam. Pemberontakan-pemberontakan tersebut berlangsung selama 107 tahun iaitu dari tahun 1782 hingga 1889.

Kenapakah pemerintah Dinasti Ching mengambil dasar yang berbeza daripada pemerintah Ming? Ini kerana Dinasti Ching diasaskan oleh bangsa Manchu yang merupakan bangsa minoriti. Oleh itu, untuk mengekalkan kuasanya mereka telah menjalankan dasar pecah dan perintah. Mereka menjalankan kempen membenci

²¹ Hj. Mohd Rashad Shamsuddin, *Islam di China*, h. 15.

Islam dengan menggunakan orang Han untuk menundukkan kebangkitan orang Islam. Di antara langkah yang diambil oleh dinasti ini ialah dengan melaga-lagakan orang Han dengan Muslim.²² Langkah ini diambil oleh pihak pemerintah kerana Orang Han tidak dapat menerima orang Manchu yang dianggap bangsa bukan Cina memerintah mereka. Dinasti Ching menyedari keadaan tersebut dan cuba mengalih perhatian orang Han daripada isu bangsa Manchu kepada orang Islam.

Tindakan yang keras dan kejam terhadap Muslim pernah berlaku pada 1862. Pembunuhan beramai-ramai telah dilakukan terhadap masyarakat Muslim di wilayah Shensi, gara-gara tidak memperolehi kebenaran dari pihak kerajaan untuk menebang buluh di wilayah mereka. Pembunuhan tersebut bukan sahaja melibatkan golongan lelaki malah golongan wanita dan kanak-kanak juga. Lanjutan daripada peristiwa itu telah menular ke wilayah Kansu hingga ke wilayah Xinjiang dan menyebabkan sejumlah 30 000 orang Islam memberontak di Hami dan Urumqi²³ Pihak pemerintah Manchu mengambil tindakan yang kejam walaupun punca berlakunya rasa tidak puas hati orang Islam adalah kecil. Kesannya, orang Islam menunjukkan rasa tidak puas hati mereka terhadap kerajaan dengan mengadakan penentangan secara kekerasan. Kebangkitan masyarakat Muslim yang berlaku di Yunnan dan Xinjiang secara umumnya, boleh dikatakan berpunca daripada sikap diskriminasi pihak kerajaan terhadap

²² Lihat Suffian Mansor, *Tamadun China*., h. 134

²³ M. Rafiq Khan (1970), *Islam and Muslims in Red Regimes*, h. 13. Pemberontakan di Kansu juga berpunca daripada larangan pemerintah terhadap perkahwinan campur dan mengasingkan serta mendiskriminasi orang Islam. Lihat Yang I-fan (1957), *Islam in China*, Hong Kong: Union Research Institute, h. 3. Orang Cina tempatan di wilayah Kansu ramai yang memeluk agama Islam. Mereka bergabung dengan orang Islam Uygur dan Kazakh menentang kerajaan pusat. Lihat Whiting dan Sheng, *Sinkiang: Pawn or Pivot?*, h. 5.

penduduk Islam. Kebanyakan orang Islam sebagai penduduk China telah dicabuli hak oleh pegawai tempatan seperti contoh dalam kes mahkamah, kerajaan sering menyebelahi penduduk China Han (bukan Muslim). Keadaan ini menunjukkan penduduk Islam tidak mendapat pembelaan daripada pihak kerajaan. Akibatnya, mereka mula menentang kerajaan seperti yang berlaku di Yunnan (1855-1873) dan kebangkitan Tungan (1862-1878).²⁴

Muslim Semasa Pemerintahan Nasionalis

Senario sosial, keagamaan dan politik yang tragis bagi umat Islam China semasa Dinasti Ching berubah selepas tahun 1911. Pada era ini, orang Islam diberi kebebasan beragama dan politik seperti mana bangsa-bangsa yang lain. Berlaku juga perubahan pada budaya orang Islam kerana tidak dapat menolak pengaruh kebudayaan Han yang menular ke dalam kehidupan mereka. Ini disebabkan berlakunya interaksi dan penerimaan serta menyesuaikan dengan budaya tersebut. Namun begitu, corak utama kehidupan seperti perkahwinan, makanan, nilai-nilai moral dan sebagainya tetap bersifat Islam.²⁵

Kehidupan masyarakat Muslim di China menjadi lebih baik selepas Revolusi 1911. Ini kerana Dr. Sun Yat Sen yang memimpin revolusi tersebut telah menubuhkan kerajaan Nasionalis yang mengutarakan fahaman baru untuk membina China yang lebih baik. Beliau menyarankan supaya rakyat China tanpa mengira warna kulit, bangsa, agama dan budaya bersatu untuk membangunkan dan mempertahankan kedaulatan China.²⁶ Kesan

²⁴ Suffian Mansor, *op. cit.*, h. 175.

²⁵ M.Rafiq Khan (1967), *Islam di Tiongkok.*, h. 17.

²⁶ Suffian Mansor, *op. cit.*, h. 134.

daripada dasar berlembut dan diplomasi ini telah menarik minat orang Islam Hui untuk menyesuaikan budaya mereka dan menonjolkan sedikit semangat kebangsaan. Sebenarnya keadaan ini berlaku kerana orang Han menuntut supaya masyarakat Hui menyerap budaya dan tradisi kuno sebagai identiti kecinaan dalam sistem budaya dan keagamaan. Walau bagaimanapun senario ini tidak berlaku pada masyarakat Muslim di Xinjiang dan sekitarnya kerana orang Han (China bukan Islam) bukanlah majoriti dan mereka tidak berani untuk bersuara seperti mana orang Han di kawasan selatan. Ini adalah antara faktor kenapa sehingga kini masyarakat Islam di wilayah Barat Laut masih mengekalkan budaya dan bahasa mereka sendiri.

Kerajaan Nasionalis melaksanakan dasar 'minority assimilation' tetapi ia bukanlah bermaksud pemikiran pemerintah yang anti-agama. Sebaliknya ia lebih bertujuan untuk menyatukan orang Cina seluruhnya. Dengan cara ini, pemerintah Nasionalis dapat menguatkan kawalan ke atas Mongolia, Manchuria dan Xinjiang. Matlamat pemerintah Nasionalis gagal kerana ketika itu berlaku pertelingkahan dengan Soviet Union.²⁷

Jika dibandingkan dengan masyarakat Muslim Hui, suasana yang berbeza dialami oleh penduduk Muslim Xinjiang semasa pemerintahan Nasionalis. Pada era ini, Xinjiang merupakan kawasan yang "mati", mundur dan kucar-kacir. Ini disebabkan oleh sikap tamak dan mementingkan diri oleh gabenor-gabenor

²⁷ Soviet Union memainkan peranan dalam pergolakan politik di kawasan sempadan atau barat laut China semasa pemerintahan Nasionalis. Mereka cuba menanam pemikiran Komunisme kepada penduduk tempatan. Lihat, Yan I-fan, *Islam in China*, h. 3-4.

China iaitu Yang Tseng-hsin²⁸ dan Chin Shu-jen²⁹. Keadaan ekonomi dan kewangan kawasan tersebut amat menyedihkan hingga ia digelar “the land of beggars who begged with gold rice-bowls”. Ini kerana Xinjiang merupakan kawasan yang kaya dengan sumber galian yang terbiar dan rakyatnya masih lagi hidup dalam kemiskinan. Ditambah pula dengan pentadbiran yang tidak cekap serta penyelewengan birokrasi.³⁰ Kepimpinan gabenor-gabenor Xinjiang boleh dikatakan punca utama berlakunya keadaan huru-hara dan pemberontakan di wilayah tersebut. Di antaranya ialah sikap pentadbir-pentadbir itu sendiri. Misalnya Yang Tseng-hsin mempunyai sikap yang tidak mempercayai orang bawahannya dan apatah lagi untuk mempercayai orang Islam. Bagi mengatasi masalah tersebut, beliau telah melantik saudaramaranya dan rakan-rakannya dari Wilayah Yunnan untuk membantu beliau mentadbir Xinjiang. Beliau juga memperkenalkan dasar pemerintahan yang disebut “isolate, divide and maintain”. Kuasa pemerintahan berada di dalam genggamannya beliau sepenuhnya.³¹

²⁸ Beliau merupakan Gabenor pertama di Xinjiang. Beliau berkhidmat selama lebih 18 tahun di wilayah Kansu dan Ningsia dan mempunyai reputasi yang ‘baik’ kerana kononnya dapat menguruskan penduduk Islam Tungan. Huraian lanjut tentang latar belakang dan perkembangan karier beliau, sila lihat Forbes, *Warlords and Muslims in Chinese Central Asia*, h. 11-33.

²⁹ Chin merupakan salah seorang pegawai kerajaan di bawah Yang Tseng-hsin. Yang dapat melihat kebolehan Chin dan beliau bertugas sebagai Majistret Daerah. Chin mencapai kedudukan yang kukuh dalam pentadbiran di bawah Yang. Hakikatnya Chin mewarisi pemerintahan Yang yang kejam dan keras. Huraian lanjut tentang pentadbiran di bawah Chin. *Ibid.*, h. 38.

³⁰ Whiting dan Sheng, *Sinkiang: Pawn or Pivot?*, h. 156.

³¹ Seorang Konsul Jeneral British di Kashgar menceritakan kepada pihak atasan di New Delhi, Yang telah melaksanakan empat perkara untuk mengukuhkan kekuasaan. Pertama, mempunyai hubungan langsung dengan majistret-majistret daerah. Malah kuasa majistret

Dasar ekonomi Yang Tseng-hsin menyebabkan teretusnya peristiwa berdarah di Xinjiang. Beliau hanya mahukan keuntungan bagi dirinya. Malah beliau tidak membenarkan sebarang bentuk industri moden bertapak di Xinjiang. Ini berkaitan dengan fahaman Komunis serta beliau melihat kesan daripada teretusnya Revolusi Industri. Menurut Forbes tindakan sedemikian diambil oleh Yang Tseng-hsin kerana beliau beranggapan '*Factories and large commercial enterprises were strictly forbidden, for they necessitated the employment of large bodies of worker who might form the the nucleus of a workers' class in Sinkiang, and thus endanger the social structure of the province*'.³² Tambahan pula, beliau tidak berminat untuk membangunkan ekonomi penduduk Xinjiang tetapi lebih bertujuan untuk mengeksploitasi sumber-sumber galian terutamanya emas.

Seorang lagi gabenor Xinjiang iaitu Chin Shu-jen yang dikatakan mempunyai sikap buruk semasa memerintah juga memberi kesan kepada pentadbiran. Menurut Mildred Cable dan Francesca French iaitu mubaligh Kristian British di Barat Laut China, Chin Shu-jen, merupakan seorang Gabenor yang tidak mempunyai kualiti asas sebagai pemimpin atau pentadbir yang bijak. Beliau merupakan seorang yang sentiasa dibelenggu perasaan takut, lemah dan kejam, bersikap pemurah dan lembut hati kepada golongan kaya, sebaliknya kedekut kepada orang miskin. Chin juga prejudis terhadap orang Islam. Ini berdasarkan kepada pengalaman beliau di kampung halamannya di Kansu.

dikurangkan. Kedua, menghantar para pegawai ke seluruh wilayah sebagai pengintip. Ketiga, menggantikan para pegawai yang dilantik oleh pihak kerajaan dengan saudara-mara dan rakan-rakan beliau sendiri. Keempat, menyekat kemasukan maklumat-maklumat dari luar iaitu menapis setiap surat, akhbar dan risalah-risalah cetak berkaitan isu-isu semasa. Lihat, Forbes, *op. cit.*, h. 14.

³² *Ibid.*, h. 32.

Bagi memperlihatkan sikap bencinya kepada golongan tersebut ialah dengan memperkenalkan cukai ke atas binatang sembelihan dan mengharamkan orang Islam ke Mekah.³³

Selain daripada masalah ekonomi, Xinjiang juga mengalami kemelut kewarganegaraan. Oleh kerana wilayah tersebut diduduki oleh ramai etnik maka ia digelar “a living ethnological museum”. Kegagalan gabenor-gabenor China melaksanakan program dan kesamarataan menyebabkan etnik-etnik tersebut bersikap prejudis dan membenci antara satu sama lain. Kebebasan beragama dikhianati dan perbezaan kepercayaan telah memecah belahkan rakyat sepanjang sejarah pemberontakan di kawasan ini.³⁴ Sikap prejudis ini telah disemai oleh pemerintah semasa Dinasti Ching yang ketika itu memang mahu memisahkan etnik-etnik yang terdapat di China. Antara strategi dan cara yang terbaik adalah dengan menyemai perasaan benci antara satu sama lain. Dengan cara ini, rakyat tidak akan dapat bersatu dan kuat untuk menentang pemerintah. Kesannya, pemerintah Nasionalis sukar untuk melaksanakan dasarnya yang mahu menjadikan semua rakyat China tanpa mengira etnik merasa ‘satu’ di bawah satu pemerintahan.

³³ Ada yang menyatakan tindakan beliau menghalang orang Islam ke Mekah ialah untuk mengelakkan berlakunya pengaliran wang keluar negara. Lihat *Ibid.*, h 42. Semasa pemerintahan Komunis, orang Islam dibenarkan ke Mekah tetapi hanya golongan yang dipilih berdasarkan ‘pemikiran yang betul, ‘pendirian yang kukuh’, tidak terlibat dengan kerja propaganda dan ‘tingkah laku yang baik’. Kesemua kriteria tersebut dianggap bersesuaian dengan kehendak Komunisme. Lihat, M.Rafiq Khan (1970), *Islam and Muslims in Red Regimes*, h. 19.

³⁴ Whiting dan Sheng, *op. cit.*, h. 156-157.

Komunisme di China dan Dasarnya Terhadap Xinjiang

Apabila terbentuknya kerajaan Komunis di China pada 1 Oktober 1949, situasi yang dialami oleh masyarakat Muslim tidak jauh berbeza dengan keadaan semasa pemerintahan Manchu. Hubungan antara pihak pemerintah Komunis dengan masyarakat Muslim Uygur di Xinjiang jelas menggambarkan pergolakan yang dihadapi oleh masyarakat Muslim seluruhnya dengan pemerintah. Sepanjang lebih daripada 200 tahun, interaksi antara kerajaan pusat dengan masyarakat Islam Xinjiang umpama menyediakan 'pentas' konfrontasi. Kerajaan Komunis tidak dapat melihat dan meletakkan Uygur sama rata dengan bangsa Han malah mereka tidak diberi kuasa autonomi. Tambahan pula, Beijing telah menjadikan bangsa Uygur sebagai buruh paksa tidak bergaji dan diharamkan mempunyai kuasa politik walaupun di peringkat tempatan. Kesan daripada sikap diskriminasi pemerintah ini telah menyebabkan berlakunya pemberontakan berdarah pada 1825. Pada ketika itu dianggarkan 8 000 tentera terkorban dan lanjutan daripada itu kerajaan pusat bertindak lebih keras lagi terhadap penduduk Xinjiang.³⁵

Pada awal 1936, Mao Tse-tung telah menjanjikan beberapa perkara kepada umat Islam di Xinjiang. Antaranya ialah untuk membantu penubuhan kerajaan Islam Berautonomi, melindungi budaya masyarakat Islam, menjamin kebebasan beragama dan membantu menyatukan orang Islam di China sama ada yang dari Mongolia, Xinjiang dan Soviet Union.³⁶ Memang jelas bahawa janji-janji ini dibuat untuk memenangi hati orang Islam dan membolehkan Komunis bertapak. Ketika itu, pengaruh golongan Nasionalis boleh dikatakan kukuh di kawasan tersebut. Pihak Komunis cuba mengekang pengaruh Nasionalis. Kelemahan-

³⁵ http://www.unpo.org/news_detail.php?arg=21&par=826

³⁶ M.Rafiq Khan (1970), *op. cit.*, h. 17.

kelemahan pemerintahan Nasionalis dijadikan senjata untuk membangkitkan kemarahan masyarakat Muslim di situ.

Semasa era pemerintahan Ching dan kerajaan Nasionalis, kedua-duanya cuba menguasai Xinjiang tetapi mereka tidak pernah campur tangan dalam kehidupan masyarakat kawasan tersebut. Sebaliknya, apabila Komunis mengambil alih kuasa, dasar ini telah berubah. Sarjana-sarjana juga menyatakan bahawa Parti Komunis Cina (PKC) merupakan pencetus kepada kebangkitan golongan radikal Uygur di Xinjiang kerana dasar PKC terhadap masyarakat Islam di China agak keras.³⁷

Untuk memahami kenapa tindakan sedemikian dikenakan ke atas orang Islam, kita perlu menyelami pemikiran Komunisme terhadap agama. Falsafah Komunis tidak mungkin menerima kewujudan sistem ideologi yang lain kerana falsafah Komunis mahukan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada parti dan negara. Ini dapat dilihat menerusi pendekatan fahaman ini terhadap agama di mana Marx sendiri menyatakan bahawa agama adalah umpama candu kepada manusia.³⁸ Manusia dianggap sentiasa memikirkan (mengkhayalkan) atau memerlukan sesuatu untuk menyenangkan hati mereka dan melupakan kesusahan atau pergolakan hidup. Agama merupakan satu instrumen untuk manusia melepaskan diri (*escapism*) dari kenyataan atau realiti yang dihadapi oleh manusia.

Seorang lagi pendukung utama fahaman Komunisme iaitu Lenin menyatakan sains dan agama adalah konsep yang saling tidak bersesuaian. Tambahan pula negara Komunis lebih

³⁷ Pendapat ini dinyatakan oleh Michael Dillon (2003) dalam bukunya *China's Muslim Far Northwest*, Christian Tyler (2003) dalam bukunya *Wild West China: The Taming of Xinjiang* dan S. Frederick Starr (2004) dengan bukunya *Xinjiang: China's Muslim Borderland*. Lihat (http://www.unpo.org/news_detail.php?arg=21&par=826)

³⁸ Yang I-fan, *Islam in China*, h. 10-11.

menekankan kepada kecemerlangan sains dan menyingkirkan agama daripada kehidupan.³⁹ Sesuai dengan pemikiran Marx, Lenin berpendapat untuk sementara waktu adalah perlu negara borjuis (pemerintahan diktator oleh golongan borjuis minoriti) digantikan dengan sebuah negara para pekerja, iaitu pemerintahan diktator oleh golongan proletar majoriti, yang dengan tegasnya akan memusnahkan gerakan-gerakan penentang revolusi dan saki baki kekuasaan borjuis pada segala peringkat.⁴⁰ Namun dari segi politik, pemerintahan diktator oleh golongan proletar itu tidaklah memberi jalan kepada perancangan sosial yang kian bersifat demokratis, sebaliknya yang terbentuk ialah pemerintahan diktator oleh segolongan pegawai parti yang semakin kecil bilangan anggotanya. Penentangan baik dari dalam mahupun dari luar parti tidak dibenarkan malah dihancurkan dengan tindakan-tindakan penangkapan secara besar-besaran lagi zalim. Bersesuaian dengan pemikiran tersebut, tidak hairanlah kerajaan Komunis China mengambil dasar pemerintahan berpandukan kepada Leninisme. Jadi, di sini dapat dilihat wujudnya perbezaan pemikiran antara pihak pemerintah yang berpegang pada Komunisme dan Muslim. Masyarakat Muslim tidak dapat menerima fahaman Komunisme yang cuba disebarkan oleh pemerintah. Ini menyebabkan orang Islam di China terutamanya di wilayah Barat Laut dianggap sebagai penentang dan pemberontak. Mereka telah ditangkap sama ada secara terbuka mahupun secara rahsia oleh pihak pemerintah. Pemerintah Komunis melihat masyarakat Islam di China sebagai bangsa minoriti iaitu identiti masyarakat Islam dilihat bersandarkan kepada budaya dan asal bangsa mereka bukannya dilihat kepada agama yang dianuti. Ini bersesuaian dengan pemikiran Komunis yang

³⁹ *Ibid.*, h. 10-11.

⁴⁰ Fink, Hans (1992), *Falsafah Sosial*, (terj) Rustam A. Sani, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 101.

seberapa boleh untuk menghapuskan agama dan kepercayaan terhadap ketuhanan dalam pemikiran rakyat keseluruhannya dan ketaatan hanya diberikan kepada parti sahaja.

Jika disusur kembali menerusi sejarah ketamadunan China terdapat bukti yang menunjukkan bukanlah satu perkara baru pihak pemerintah bertindak keras dan kejam terhadap rakyat. Antaranya terdapat catatan lama Cina yang mengisahkan peristiwa kekerasan yang jauh lebih dahsyat. Kitab-kitab Ch'un, Ch'iu, Tso Chun, Chan-Kuo Tse dan Shih Chi banyak menyebut kekerasan yang dilakukan oleh pemerintah antaranya ialah pada tahun 260 SM. Semasa pemerintahan Dinasti Chin (221SM-209M), askar-askar Ch'in dilaporkan membunuh secara kejam 400 000 askar Chao (musuh) yang telah menyerah diri.⁴¹ Pemerintah Chin berpegang kepada doktrin *Fa Jia* (Legalisme) yang menekankan kepada ketinggian undang-undang keras dalam pemerintahan negara. Jelaslah bahawa pemikiran politik Cina purba yang berasaskan kepada *Fa Jia* (Legalisme) dan kemudiannya Komunisme telah memantapkan pemikiran politik mereka. Undang-undang dan tindakan keras adalah langkah terbaik perlu diambil oleh pemerintah untuk mengekalkan kestabilan kuasa dan keamanan negara.

Di samping itu, pihak Komunis di China juga mewarisi perasaan anti-Islam dengan Komunis Rusia dan mereka mencuba sedaya upaya untuk menghapuskan Islam dari China dan

⁴¹ Dinasti Ch'in berjaya menyatukan negara, menyeragamkan budaya, penaklukan dan sebagainya dipercayai kerana mengamalkan dasar kekerasan pada tahap yang tinggi. Falsafah yang menjadi doktrin politik Ch'in disebut aliran Kanun (*Fa Jia*). Aliran ini menekankan kekerasan undang-undang terhadap rakyat bagi mengekalkan keamanan negara. Maharaja dipercayai mempunyai Shih iaitu kuasa yang dianugerahkan oleh Tien dan dibolehkan menghukum rakyat. Abdul Rahman Haji Ismail (1993), *Aliran Kanun dan Kekerasan Pemerintahan China*, dlm *Kekerasan dalam Sejarah*, (pnyt) Qasim Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 242

memaksa orang Islam menjadi minoriti lemah di bawah dominasi bangsa Han. Berbeza dengan bangsa atau minoriti lain, masyarakat Islam wujud sebagai masyarakat yang berpegang teguh kepada agama Islam. Ini menyebabkan mereka menjadi bangsa walaupun minoriti tetapi lantang bersuara mengenai hal ehwal negara. Sikap orang Islam ini sebenarnya telah disedari oleh pemerintah sejak era Dinasti Ming lagi. Walau bagaimanapun pada abad ke-17 dan 18 iaitu semasa pemerintahan Dinasti Ching (Manchu), pemerintah melihat Xinjiang sebagai tempat yang didiami oleh orang Gasar dan perlu ditamadunkan. Persepsi ini lahir kerana pemerintah Ching ketika itu cuba mengaburi pandangan rakyat berbangsa lain dengan menafikan latar belakang sejarah dan hubungan budaya Xinjiang dengan bangsa Caucasus dan Asia Tengah yang sememangnya telah mempunyai kehidupan yang bertamadun seperti mana bangsa lain.⁴² Dengan ini, jelas bahawa orang Islam merupakan masyarakat yang tidak pernah mendatangkan masalah kepada pemerintah-pemerintah satu ketika dahulu yang memahami keadaan dan keperluan orang Islam dan bangsa Cina lain juga tidak merasakan orang Islam sebagai pengacau kepada keamanan. Ini bererti pemikiran pemerintah Cina yang membenci orang Islam datangnya daripada sikap pemerintah yang mempunyai agenda mereka tersendiri. Dinasti Ching yang didirikan oleh bangsa bukan Cina iaitu Manchu menunjukkan sikap yang menentang terhadap Islam.⁴³ Kemudiannya pemikiran orang Cina yang tidak menyukai Islam datangnya daripada Komunis yang diturunkan oleh bangsa Rusia.

⁴² http://www.unpo.org/news_detail.php?arg=21&par=826

⁴³ Manchu juga merupakan bangsa asing yang tidak diterima oleh orang Cina sebagai sebahagian daripada bangsa mereka. Manchu juga adalah bangsa Gasar yang sering membuat kacau di kawasan sempadan sebelum berjaya menguasai China dan menubuhkan Dinasti Ching. Dasar membenci orang Islam Xinjiang merupakan salah satu strategi Manchu untuk mengalih fokus rakyat berkait isu dalaman yang melanda China ketika itu.

Menjelang 1950an, pihak Komunis cuba mengubah kaedah mendekati rakyat China yang berpegang kepada agama. Misalnya, masyarakat China beragama Kristian dan Buddha telah dijemput untuk menghadiri persidangan kerajaan pada 1949. Di sana, wakil-wakil penganut kedua-dua agama tersebut telah dipaksa melakukan perubahan kepada agama mereka. Namun begitu, wakil masyarakat Islam yang juga hadir ke persidangan tersebut terkecuali daripada arahan perubahan agama tersebut. Penentangan yang kuat oleh orang Islam terhadap idea dan arahan tersebut menyebabkan pihak Komunis terpaksa mengambil langkah baru disebut 'united front policy'.⁴⁴ Kaedah ini lebih kepada cara memujuk tetapi mengambil masa yang lebih panjang untuk mendapatkan kesannya. Para pemuda Islam dilatih dan diterapkan dengan pemikiran Komunisme yang kemudiannya akan dihantar pulang untuk menyebarkan doktrin tersebut kepada masyarakat mereka.⁴⁵

Usaha untuk memahami dan mengambil langkah bertolak ansur terhadap Islam semakin ditekankan ekoran satu peristiwa di mana Islam telah dicaci oleh seorang pemimpin Komunis, Lu Hung-chi pada 10 Januari 1951 di dalam sebuah akhbar iaitu *Kwangming Jih Pao* yang diterbitkan di Peking. Beliau menyerang Islam secara terbuka dengan menyatakan orang Islam adalah pencuri. '*You know Mohammed who held a sword in one hand and a book of classics in another, but you do not know Mohammed who held a gun in one hand and took money from you with the other. Oh yes, he had another hand holding 'moral principles'.*

⁴⁴ Yang I-fan, *op. cit.*, h. 32.

⁴⁵ Janji untuk memberi kuasa autonomi kepada masyarakat Islam telah digunakan oleh Komunis untuk menyebarkan doktrin mereka iaitu dengan janji tersebut mereka cuba menarik orang Islam menyokong 'keikhlasan' mereka dan pada masa yang sama memberi keizinan kepada mereka untuk melatih golongan muda dengan fahaman Komunisme.

This means that he had three hands'.⁴⁶ Namun begitu penghinaan yang dilakukan oleh Lu sebaliknya telah menjadi pengajaran kepada pihak komunis. Lanjutan daripada itu, umat Islam telah mengugut akan menghancurkan *Kwangming Jih Pao*.⁴⁷ Kerajaan telah dipaksa mengakui kesilapan dan Ma Chien seorang ahli Persidangan Penasihat Politik Rakyat China diarah menulis artikel untuk menenangkan perasaan marah umat Islam ketika itu.⁴⁸ Peristiwa tersebut telah menjadi peringatan kepada pihak komunis di masa hadapan supaya tidak menghina Islam sewenang-wenangnya. Ini kerana ia jelas memperlihatkan sikap umat Islam yang berbeza dengan para penganut agama lain yang tidak membenarkan sama sekali berlakunya penghinaan ke atas agama suci mereka.

Sepanjang pemerintahan komunis di China, beberapa usaha telah dilakukan untuk mewujudkan sebuah negara komunis yang tulen. Langkah pertama yang dilakukan oleh pihak komunis ialah menjalankan usaha merampas tanah daripada tuan tanah. Tanah-tanah ini kemudiannya dibahagi-bahagikan kepada petani. Pihak komunis juga cuba menghapuskan sikap kesukuan dan upacara keturunan dengan membakar buku salasilah dan memusnahkan kuil.⁴⁹ Wilayah Xinjiang tidak terkecuali daripada mengalami pelaksanaan dasar tersebut. Dasar ini diambil oleh PKC sebagai

⁴⁶ Menurut pepatah orang Cina, seseorang yang bertangan tiga bermaksud pencuri. Lihat Yang I-fan, *Islam in China*, h. 25.

⁴⁷ Mengikut undang-undang, akhbar merupakan hakmilik rakyat, sekiranya seseorang menentang atau bermusuhan dengan pihak akhbar ini bererti mereka juga menentang rakyat dan pihak pemerintah.

⁴⁸ Kekalutan yang berlaku ditujukan kepada Ma Chien iaitu yang juga merupakan editor akhbar tersebut. Beliau mengakui kurang melakukan kajian yang mendalam terhadap agama dan masyarakat Islam.

⁴⁹ Suffian Mansor, *Tamadun China*, h. 186-188.

kempen untuk mengubah demografik Xinjiang dan pada masa yang sama mengeksploitasi sumber alam kawasan tersebut, lalu disalurkan ke bandar-bandar besar di Timur China. Antara langkah lain yang diambil oleh PKC ialah mengawal kadar kelahiran bangsa Uygur dan menggalakkan migrasi besar-besaran bangsa Han ke wilayah Xinjiang. Bangsa Han diberi insentif ekonomi dan ada juga yang dipaksa oleh PKC ke kawasa Barat China. Kesan daripada dasar ini menyebabkan berlakunya perubahan demografi. Misalnya pada 1941, bangsa Uygur merupakan 80 peratus daripada penduduk Xinjiang tetapi pada 1998, jumlah mereka telah berkurangan kepada 50 peratus daripada seluruh jumlah penduduk.⁵⁰ Sementara itu, Urumqi iaitu bandar terbesar di Xinjiang menjadi bandar yang didominasi oleh bangsa Han. Bangsa Uygur pula semakin ketinggalan dari segi ekonomi dan terpinggir daripada menerima kemudahan PKC.

Tindakan rampasan tanah oleh PKC terhadap orang Islam benar-benar menimbulkan kemarahan mereka terutamanya apabila ia turut melibatkan tanah masjid. Kejadian ini menyebabkan masjid-masjid kehilangan sumber dan terpaksa ditutup. Antaranya ialah masjid di Hsi-ming iaitu masjid terbesar di China yang dikatakan memiliki tanah yang luas dan mampu membiayai para pelajar Islam melanjutkan pengajian. Masjid tersebut telah dirampas harta dan tanah oleh PKC pada 1949. Ekoran daripada itu, masyarakat Islam tidak dapat menghantar generasi baru yang bakal menjadi pemimpin mendapatkan latihan.⁵¹ Tanah masjid yang dirampas bukan dilihat sebagai harta semata-mata bagi Muslim tetapi dari aspek sumbangan tanah tersebut kepada orang Islam. Selain daripada sebagai sumber menghantar pelajar melanjutkan pengajian, ia juga berfungsi sebagai pusat pendidikan

⁵⁰ http://www.unpo.org/news_detail.php?arg=21&par=826

⁵¹ M.Rafiq Khan (1970), *Islam and Muslims in Red Regimes*, h. 18.

dan pusat kebajikan bagi golongan kurang mampu.⁵² Hakikatnya, pemulihan ekonomi yang cuba dilakukan oleh pihak Komunis telah memberi kesan yang sebaliknya iaitu ia menyebabkan sebahagian besar daripada rakyat kehilangan sumber ekonomi, kehilangan hak pendidikan dan sebagainya.

Jika dilihat kembali pada sejarah China, Muslim merupakan golongan yang ditakuti oleh pemerintah di China. Mereka dianggap golongan yang berani dan gigih menentang kerana mereka tidak suka ditindas dan juga golongan yang tidak dapat ditindas oleh suku-suku lain. Menurut Broomhall, dari segi fizikal orang Islam mempunyai kekuatan yang hebat dan berani.⁵³ Kesan daripada sifat mereka yang sedemikian, pihak pemerintah sering melakukan pelbagai cara untuk menyekat golongan ini. Misalnya semasa pemerintahan Manchu semasa Dinasti Ching, berlaku lima pemberontakan besar dan berterusan selama 107 tahun iaitu dari tahun 1782 hingga 1889.⁵⁴ Muslim diburu dan ditindas kerana sering menimbulkan pemberontakan dan mereka dianggap sebagai golongan yang menghuru-harakan negara. Malangnya, apabila dilihat kepada kesan setiap kali berlakunya pemberontakan ialah ia melibatkan kematian orang Islam dengan jumlah yang agak besar misalnya pembunuhan beramai-ramai terhadap penduduk Islam di Xinjiang pada tahun 1952 telah mengorbankan 300 000 orang Islam. Pembunuhan ini dilakukan oleh Komunis Rusia dan juga Gabenor bonekanya iaitu Sheng dan juga orang Cina. Pada tahun 1954, seramai 90 000 orang Islam pula telah dibunuh oleh Komunis.⁵⁵

⁵² Yang I-fan, *op. cit.*, h. 37.

⁵³ Broomhall, *Islam in China: A Neglected Problem*, h. 221.

⁵⁴ M.Rafiq Khan (1967), *Islam di Tiongkok*, h. 12.

⁵⁵ Sementara di Wilayah Kansu pula dianggarkan empat juta pemberontak Muslim dibunuh oleh Komunis sekitar tempoh yang sama. Ini dijadikan alasan utama mengapa

Dengan melihat dan memahami pemikiran Komunisme terhadap agama, sekurang-kurangnya kita dapat memahami pandangan pihak pemerintah China terhadap masyarakat Islam. Sedangkan pada masa yang sama, jelas orang Islam tidak akan berkompromi dengan perkara-perkara yang menyalahi atau menggugat kedudukan agama Islam. Ekoran daripada itu, pihak pemerintah akan sentiasa cuba mencari kaedah yang terbaik untuk menyelesaikan konflik tersebut. Pada hakikatnya, penyelesaian yang cuba diambil lebih bersifat untuk menghapuskan Islam dan umatnya di bumi China. Bagi pemerintah yang pernah memerintah Xinjiang sejak dahulu lagi beranggapan Xinjiang merupakan kawasan liar dan perlu dijinakkan dengan melayan bangsa Uygur sebagai rakyat kelas kedua. Malah kita dapati tindakan yang lebih keras dilakukan oleh pemerintah Komunis yang mana mereka ingin menghapuskan identiti bangsa Uygur.⁵⁶

Polisi kerajaan Komunis terhadap orang Islam mulai berubah apabila Mao-Tse-tung meninggal dunia. Dasar kerajaan kelihatan lebih liberal dan bertolak ansur terhadap agama Islam. Sebagai contoh tulisan Arab dibenarkan digunapakai oleh orang Uygur di Xinjiang. Pada tahun 1978, pihak kerajaan telah mengisytiharkan kebebasan beragama. Dengan adanya kelonggaran itu, maka agama Islam mulai pulih semula daripada penindasan pihak kerajaan.⁵⁷

orang Islam telah menurun jumlahnya kerana pembinaan secara besar-besaran dan sebahagian pula kerana pemalsuan sensus. *Ibid.*, h. 26-27.

⁵⁶ http://www.unpo.org/news_detail.php?arg=21&par=826

⁵⁷ Suffian Mansor, *Tamadun China*, h. 137.

Kesimpulan

Tidak mudah bagi pihak pemerintah China untuk melepaskan Xinjiang. Jika dilihat kembali pada sejarah penaklukan wilayah tersebut, jelas banyak kesukaran yang dilalui oleh pihak pemerintah Han dan kemudiannya pelbagai usaha diambil oleh pemerintah terkemudian untuk mengekalkan kekuasaan mereka hingga kini. Hak milik mereka ke atas Xinjiang mencerminkan reputasi dan kewibawaan mereka di mata rakyat dan dunia. Dalam keadaan ini, masyarakat Islam Xinjiang pula terpaksa menghadapi pelbagai risiko bagi segala tindakan dan tentangan mereka terhadap pemerintah. Selain itu, Xinjiang merupakan wilayah yang kaya dengan sumber galian terutamanya arang batu dan minyak. Sumber galian kawasan tersebut yang terbanyak di China iaitu 122 jenis mineral.⁵⁸ Sebagai sebuah kawasan yang kaya tidak mungkin pemerintah bersedia melepaskan wilayah ini.

Isu dan masalah terkini yang sedang melanda orang Islam Xinjiang ialah kesan daripada Peristiwa 11 September 2002. Amerika Syarikat telah memasuki Asia Tengah bagi menghapuskan Taliban dan Al-Qaeda. Xinjiang merupakan kawasan terletak di tengah-tengah persaingan kuasa antara China, Rusia dan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat menyokong kerajaan China mengaitkan gerakan pemisah Uygur dengan rangkaian pengganas Islam Antarabangsa.⁵⁹ Dengan ini, masyarakat Islam Xinjiang tidak pernah 'ditinggalkan' untuk hidup dengan aman, menjadikan masyarakat Islam perlu terus bangun berjuang mempertahankan hak dan hidup mereka daripada ancaman demi agama dan bangsa.

⁵⁸ <http://www.cpirc.org.cn/en/30Province1999-xinjiang.htm>

⁵⁹ Kesannya, orang Uygur secara sedikit demi sedikit dinafikan hak dan kebebasan mereka dalam politik, keagamaan, ekonomi dan lain-lain aspek yang dirasakan boleh mengukuhkan rangkaian pengganas dan menggugat kerajaan China.

Kekecewaan Muslim Xinjiang terhadap peristiwa silam tidak terhapus dari ingatan. Tindakan yang dilakukan oleh pihak pemerintah lalu menjadikan mereka kental dan berani. Mereka adalah masyarakat terpinggir dan didiskriminasi. mereka masyarakat yang sukar berintegrasi dengan bangsa lain tetapi dari satu aspek yang lain mereka merupakan masyarakat yang berpegang teguh kepada agama dan adat resam mereka. Mereka tidak berkompromi dengan elemen yang dirasakan menggugat agama dan budaya mereka. Xinjiang dan masyarakat Islam China mempunyai satu kedudukan yang berbeza dan sering diberi perhatian oleh pihak pemerintah. Langkah berhati-hati diguna dalam menangani masalah dengan penduduk Islam Xinjiang kerana kesannya mungkin mempengaruhi seluruh China malah dunia.